

Kesahan Kandungan Instrumen Soal Selidik Kompetensi Sosioemosi dan Iklim Bilik Darjah (Content Validity for Socioemotional Competency and Classroom Climate)

Amirah Mohd Tarmizi^{1*}, Nik Rosila Nik Yaacob^{1*}

¹ Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

*Pengarang Koresponden: amirah.mtarmizi@gmail.com , nikrusila@usm.my

Received: 30 December 2023 | Accepted: 25 January 2024 | Published: 1 March 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.12>

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk menilai kesahan kandungan Instrumen Soal Selidik Kompetensi Sosioemosi dan Iklim Bilik Darjah dengan menggunakan Indeks Kesahan Kandungan (CVI) dan Pekali Kappa Diubahsuai (k^*). Lima orang pakar telah dipilih melalui pensampelan bertujuan untuk menilai dan mengesahkan kandungan instrumen soal selidik. Instrumen soal selidik ini mengandungi 9 konstruk dan 54 item. Hasil kajian mendapati tiga item perlu digugurkan kerana mencatatkan nilai CVI dan Pekali Kappa Diubahsuai yang rendah dan satu item perlu disemak semula kerana memperoleh nilai CVI dan Pekali Kappa Diubahsuai yang sederhana. Keseluruhannya, instrumen soal selidik tersebut menunjukkan kesahan kandungan yang tinggi dan sesuai untuk digunakan oleh murid Tahun 5 bagi menilai kompetensi sosioemosi dan iklim bilik darjah.

Kata Kunci: kesahan kandungan, Indeks Kesahan Kandungan (CVI), kompetensi sosioemosi, iklim bilik darjah

Abstract: The purpose of this study is to assess the content validity of Socioemotional Competency and Classroom Climate Instrument by using Content Validity Index and Modified Kappa Coefficient. By using purposive sampling, five experts were chosen to assess and validate the questionnaire content. There are 9 constructs and 54 items in the questionnaire. The result indicates that three items should be eliminated because of the poor CVI and Modified Kappa Coefficient scores. While one item should be revised due to fair score of CVI and Modified Kappa Coefficient. Overall, the findings indicate that the questionnaire can be utilized by Year 5 pupils to evaluate socioemotional competency and classroom climate.

Keywords: content validity, Content Validity Index (CVI), socioemotional competency, classroom climate.

1. Pendahuluan

Kesahan kandungan ditakrifkan sebagai penilaian sama ada sesuatu instrumen atau item-item dalam instrumen mengukur konsep atau tingkah laku yang dikaji (Cohen & Swerdlik, 2018; Haynes, Richard, & Kubiency, 1995). Menurut Rubio et al., (2003), dalam proses kesahan kandungan, beberapa orang pakar dalam bidang dikaji akan dilantik untuk menganalisis dan menilai kualiti instrumen dan item-item dalam instrumen. Seterusnya, maklum balas yang

diterima daripada pakar membolehkan pengkaji menambah baik instrumen (Polit & Beck, 2006; Rubio et al., 2003). Instrumen yang didapati mempunyai kesahan kandungan yang rendah boleh menjejaskan kebolehpercayaan dan dapatan kajian (Kamaluddin & Nasir, 2019). Maka, adalah mustahak untuk setiap instrumen melalui proses kesahan kandungan terlebih dahulu sebelum digunakan dalam kajian rintis atau kajian sebenar. Justeru, artikel ini akan memberi gambaran keseluruhan proses kesahan kandungan instrumen Soal Selidik Kompetensi Sosioemosi dan Iklim Bilik Darjah menggunakan indeks kesahan kandungan (CVI) (Davis, 1992; Lynn, 1986; Polit, Beck, & Owen, 2007; Polit & Beck, 2006).

2. Sorotan Literatur

Kompetensi sosioemosi adalah gabungan kompetensi sosial dan kompetensi emosi. Kompetensi sosioemosi ditakrifkan sebagai kemampuan seseorang individu untuk memahami, mengelola dan mengekspresikan aspek sosioemosi dalam kehidupannya (Darling-Churchill & Lippman, 2016; Manurung et al., 2022). Kompetensi sosial yang baik membolehkan seseorang individu membina hubungan interpersonal (Nor Azizah & Suziyani, 2020) serta menyesuaikan diri dengan orang lain (Seligie Lajan & Ruhizan, 2022). Manakala, individu yang memiliki kompetensi emosi yang tinggi didapati mudah empati dan memahami perasaan orang di sekelilingnya (Maleki et al., 2018). Kedua-dua kompetensi ini adalah saling berkaitan dalam kehidupan manusia. Maka, kompetensi sosioemosi mustahak untuk dikembangkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar murid yang seimbang dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelek dapat dilahirkan seiring hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Pendedahan tentang kompetensi sosioemosi kepada murid sekolah rendah adalah kunci untuk mewujudkan iklim bilik darjah yang positif serta mengurangkan tingkah laku mengganggu dalam kalangan murid (Santamaría-Villar et al., 2021). Kompetensi sosioemosi juga dikatakan elemen perkembangan yang penting untuk murid berinteraksi dan membina hubungan yang positif dengan rakan sebaya dan guru (Mohd Zafaren, Faridah, & Suziyani, 2020). Tambahan lagi, kompetensi sosioemosi dijangka akan diberi keutamaan serta lebih bernilai pada masa hadapan apabila melibatkan peluang pekerjaan berbanding kecerdasan minda (IQ) (Jones et al., 2015). Menurut Goleman (1999) kompetensi sosioemosi terdiri daripada lima aspek iaitu 1) Kesedaran sendiri 2) Pengurusan emosi 3) Motivasi sendiri 4) Empati 5) Kemahiran Sosial. Konsep kecerdasan emosi yang diperkenalkan oleh Goleman (1999) diadaptasi pula dalam konteks pembelajaran sosioemosi oleh *Collaborative for Academic, Social, and Emotional Learning* (CASEL) agar pembelajaran sosioemosi menjadi elemen penting dalam kurikulum sekolah (Greenberg et al., 2003).

Menyedari kepentingan kompetensi sosioemosi dan iklim bilik darjah yang positif kepada murid sekolah rendah, maka sebuah instrumen berkaitan kompetensi sosioemosi dan iklim bilik darjah murid sekolah rendah telah diadaptasi daripada kajian lalu (López et al., 2018; Zhou & Ee, 2012). Oleh sebab instrumen ini diadaptasi daripada kajian negara luar, maka kesahan kandungan perlu dilakukan kerana instrumen asal berkemungkinan mengandungi item yang tidak sesuai dengan konteks dan sosiobudaya di Malaysia (Kamaluddin & Nasir, 2019). Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan mendapatkan kesahan kandungan instrumen soal selidik kompetensi sosioemosi dan iklim bilik darjah.

3. Metodologi

Kajian ini adalah sebuah kajian kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Pengkaji merujuk prosedur kesahan kandungan yang dicadangkan oleh Yusoff (2019) iaitu terdapat enam langkah untuk mendapatkan kesahan kandungan instrumen kajian.

- a. Menyediakan borang kesahan kandungan
- b. Memilih panel pakar
- c. Memulakan proses kesahan kandungan
- d. Meninjau konstruk dan item
- e. Memberi skor kepada setiap item
- f. Mengira CVI

Langkah 1: Menyediakan Borang Kesahan Kandungan

Dalam proses penyediaan borang kesahan kandungan, pengkaji memastikan panel pakar mempunyai kefahaman yang jelas tentang instrumen yang akan dinilai. Sehubungan itu, penerangan terperinci tentang skala penilaian dinyatakan pada borang kesahan kandungan. Pengkaji turut menyatakan maksud bagi setiap konstruk untuk memudahkan proses penilaian oleh panel pakar seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.

Soal selidik ini mengandungi 54 item berkaitan kompetensi sosioemosi dan iklim bilik darjah. Pengkaji memerlukan kepakaran anda untuk menilai tahap kesesuaian setiap item tersebut. Penilaian anda hendaklah berdasarkan skala yang membawa maksud berikut:

Tahap kesesuaian:

1 = Item ini tidak relevan untuk mengukur konstruk
 2 = Item ini sederhana relevan untuk mengukur konstruk
 3 = Item ini agak relevan untuk mengukur konstruk
 4 = Item ini sangat relevan untuk mengukur konstruk

Persekitaran Fizikal						
Maksud: Pandangan murid tentang persekitaran fizikal bilik darjah mereka.						
		1	2	3	4	Ulasan
1.	Bilik darjah saya bersih					
2.	Bilik darjah saya tersusun dengan baik					
3.	Bilik darjah saya mempunyai cahaya yang cukup					
4.	Bilik darjah saya mempunyai ruang yang cukup untuk bergerak					
5.	Saya boleh mendengar dengan jelas dari mana-mana sahaja di dalam bilik darjah					
6.	Saya boleh melihat papan dengan jelas dari mana-mana tempat di dalam bilik darjah					

Rajah 1: Borang Kesahan Kandungan

Langkah 2: Memilih Panel Pakar

Pakar yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah pakar yang mempunyai kemahiran atau pengalaman secara spesifik dalam bidang yang dikaji (Rubio et al., 2003; Yusoff, 2019). Justeru, teknik pensampelan bertujuan digunakan bagi mengenal pasti responden yang terlibat berdasarkan kepakaran yang dimiliki iaitu dalam bidang psikologi pendidikan dan Pendidikan

Islam. Seramai lima orang pakar terlibat dalam kajian ini. Jumlah pakar seramai lima orang adalah mencukupi seperti yang dicadangkan (Almanasreh, Moles, & Chen, 2018; Lynn, 1986; Polit, Beck, & Owen, 2007). Kriteria lain yang turut dipertimbangkan ialah pengalaman panel pakar dalam bidang kepakaran iaitu hendaklah melebihi 10 tahun. Senarai pakar yang terlibat adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Senarai Panel Pakar

Jawatan	Kepakaran	Pengalaman (Tahun)
Pensyarah Akademik	Pendidikan Islam	17
Pensyarah Kanan	Pendidikan Islam	22
Pensyarah Akademik	Psikologi Pendidikan	18
Pensyarah Akademik	Psikologi Pendidikan	26
Pensyarah Cemerlang	Psikologi Pendidikan	20

Langkah 3: Memulakan Proses Kesahan Kandungan

Dalam kajian ini, proses kesahan kandungan menggunakan pendekatan tidak bersemuka iaitu menerusi email. Walaupun dijalankan secara tidak bersemuka, namun arahan serta panduan yang jelas diberikan kepada panel pakar (Rajah 1). Pendekatan dalam talian dipilih kerana pendekatan ini adalah lebih efisien dari segi kos tetapi tempoh masa untuk memperoleh maklum balas daripada pakar adalah lebih lama berbanding pendekatan bersemuka (Yusoff, 2019).

Langkah 4: Meninjau Konstruk dan Item

Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu A dan B. Bahagian A merupakan soal selidik berkaitan maklumat demografi pakar yang mengandungi lima item. Manakala, Bahagian B pula merupakan soal selidik semakan kesahan kandungan yang mengandungi 54 item daripada 9 konstruk kompetensi sosioemosi dan iklim bilik darjah. Pada langkah ini, setiap pakar diminta menyemak keseluruhan item sebelum memberikan skor. 9 konstruk dan 54 item yang terdapat dalam Instrumen Soal Selidik Kompetensi Sosioemosi Dan Iklim Bilik Darjah adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Konstruk dan Item

Bil	Konstruk	Kod Item	Item
1.	Kesedaran Kendiri (KK)	KK1	Saya tahu apa yang saya fikir
		KK2	Saya tahu apa yang saya lakukan
		KK3	Saya faham emosi dan perasaan saya
		KK4	Saya tahu apabila saya <i>moody</i>
		KK5	Saya tahu apabila seseorang sedang marah melalui riak wajahnya
2.	Kesedaran Sosial (KS)	KS6	Saya tahu emosi seseorang melalui mimik mukanya
		KS7	Saya boleh memahami perasaan seseorang
		KS8	Saya tahu apa yang seseorang fikirkan apabila dia sedih, marah atau gembira
		KS9	Saya faham mengapa seseorang berkelakuan seperti itu
		KS10	Saya tahu mengapa kawan saya kecewa
3.	Pengurusan Kendiri (PK)	PK11	Saya tetap tenang walaupun dalam keadaan tertekan
		PK12	Saya boleh mengatasi kerisauan saya dalam pelbagai situasi
		PK13	Saya tetap tenang apabila sesuatu perkara berlaku tidak seperti yang diharapkan
		PK14	Saya boleh mengawal perasaan apabila sesuatu yang buruk berlaku
		PK15	Apabila saya kecewa dengan seseorang, saya akan bertenang dahulu sebelum bertemu dan berbincang dengannya

4. Berhubungan (KB)	Kemahiran Berhubungan (KB)	KB16	Saya akan meminta maaf apabila menyakiti kawan saya secara tidak sengaja
		KB17	Saya menenangkan kawan saya apabila mereka sedih
		KB18	Saya tidak mengutuk kawan saya apabila kami bergaduh
		KB19	Saya menerima kesilapan kawan saya
		KB20	Saya mempertahankan diri saya tanpa merendahkan orang lain.
5. Bertanggungjawab (MK)	Membuat Keputusan yang Bertanggungjawab (MK)	MK21	Apabila membuat keputusan, saya mengambil kira akibat daripada tindakan saya.
		MK22	Saya akan pastikan keputusan yang saya buat mendatangkan lebih banyak kebaikan daripada keburukan
		MK23	Saya menilai sama ada sesuatu situasi itu penting atau tidak penting sebelum melakukan sesuatu tindakan
		MK24	Saya mempertimbangkan kriteria yang dipilih sebelum membuat keputusan
		MK25	Saya mempertimbangkan kekuatan dan kelemahan pilihan yang saya buat
6. Fizikal (PF)	Persekitaran Fizikal (PF)	PF26	Bilik darjah saya bersih
		PF27	Bilik darjah saya tersusun
		PF28	Bilik darjah saya mempunyai pencahayaan yang cukup
		PF29	Bilik darjah saya mempunyai ruang yang cukup untuk bergerak
		PF30	Saya boleh mendengar dengan jelas dari mana-mana tempat di bilik darjah
7. Interaksi Guru-Murid (IGM)	Interaksi Guru-Murid (IGM)	IGM32	Di kelas, guru melibatkan saya dan rakan-rakan dalam aktiviti pembelajaran dengan mudah
		IGM33	Di kelas, guru mengawal disiplin kami dengan mudah
		IGM34	Di kelas, kami membantu guru menguruskan bilik darjah
		IGM35	Di kelas, kami membantu guru membuat peraturan bilik darjah bagi menangani masalah disiplin
		IGM36	Di kelas, guru sentiasa berusaha sedaya upaya untuk membantu kami
		IGM37	Di kelas, guru memastikan kami mematuhi peraturan bilik darjah
		8. Hubungan Rakan Sebaya (HRS)	Hubungan Rakan Sebaya (HRS)
HRS39	Di kelas, kami boleh memberi pendapat tentang susun atur dan hiasan bilik darjah		
HRS40	Di kelas, kami boleh merancang aktiviti seperti majlis hari jadi		
HRS41	Di kelas, saya meluangkan masa bersama rakan-rakan		
HRS42	Di kelas, kami saling bergaul antara satu sama lain		
HRS43	Di kelas, kami saling menerima antara satu sama lain		
HRS44	Di kelas, kami saling menghormati antara satu sama lain		
HRS45	Di kelas, saya rasa selesa dengan rakan-rakan saya		
9. Orientasi Guru Terhadap Pembelajaran (OGP)	Orientasi Guru Terhadap Pembelajaran (OGP)		
		OGP47	Di kelas, apabila kami bertengkar, kami akan selesaikan melalui perbincangan
		OGP48	Di kelas, kami tidak menyinggung perasaan antara satu sama lain
		OGP49	Di kelas, guru memberitahu kami perkara-perkara yang tidak boleh dilakukan
		OGP50	Di kelas, guru mengingatkan kami bahawa kami boleh belajar walaupun kami lemah
		OGP51	Di kelas, kami bertanya guru mengapa pelajaran penting kepada kami
		OGP52	Di kelas, guru minta kami bertanya apabila tidak faham
		OGP53	Di kelas, guru prihatin terhadap emosi kami
		OGP54	Di kelas, guru menggalakkan kami untuk cuba melakukan yang terbaik

Langkah 5: Memberikan Skor Kepada Setiap Item

Setelah meninjau kesemua item, panel pakar diminta menilai dan memberikan skor pada setiap item berdasarkan skala 4 mata yang dijelaskan setiap satu maksudnya pada borang kesahan kandungan (Rajah 1). Satu ruangan ulasan disediakan pada setiap item bagi memberi ruang

kepada pakar untuk membuat ulasan atau memberi sebarang cadangan. Pada akhir Bahagian B juga disediakan ruang bagi pakar membuat rumusan tentang instrumen dan item sama ada sesuai digunakan atau tidak sesuai digunakan. Setelah selesai, panel pakar diminta menghantar semula maklum balas yang telah lengkap kepada pengkaji melalui email.

Langkah 6: Mengira Indeks Kesahan Kandungan (CVI)

Terdapat dua jenis CVI iaitu untuk item (I-CVI) dan untuk skala (S-CVI). Nilai I-CVI menunjukkan persetujuan pakar manakala nilai S-CVI/Ave adalah nilai persetujuan yang relevan daripada semua pakar (Polit, Beck, & Owen, 2007; Zamanzadeh et al., 2015). Dalam pengiraan I-CVI, item yang mendapat skor 3 dan 4 direkodkan sebagai 1. Manakala item yang memperoleh skor 1 dan 2 direkodkan sebagai 0 (Polit, Beck, & Owen, 2007; Yusoff, 2019). Walaupun CVI digunakan secara meluas untuk menilai kesahan kandungan, namun CVI tidak mengambil kira kemungkinan nilai yang terlebih tinggi (*inflated value*) yang disebabkan oleh *chance of agreement*. Bagi mengatasi perkara tersebut, Pekali Kappa Diubahsuai (k^*) adalah pelengkap yang penting kepada nilai CVI (Wynd, Schmidt, & Schaefer, 2003). Oleh itu, analisis kesahan kandungan Instrumen Soal Selidik Kompetensi Sosioemosi dan Iklim Bilik Darjah dilakukan menggunakan I-CVI, S-CVI dan Pekali Kappa Diubahsuai. Jadual 3 menunjukkan formula pengiraan dan nilai yang diterima.

Jadual 3: Formula CVI dan Pekali Kappa Diubahsuai

Indeks	Nilai	Formula
I-CVI	Item relevan : > 0.79	$\frac{\text{Item yang dipersetujui}}{\text{Bilangan pakar}}$
	Item disemak semula : 0.70 – 0.79	
	Item digugurkan : < 0.70 (Zamanzadeh et al., 2015)	
S-CVI/Average	Cemerlang : ≥ 0.90	$\frac{\text{Jumlah I-CVI}}{\text{Jumlah item}}$
	Sederhana : 0.80 – 0.89	
	(Polit, Beck, & Owen, 2007)	
Pekali Kappa Diubahsuai (k^*)	Cemerlang : $k > 0.74$	$P_c = \text{probability of a chance occurrence}$ $[N!/A!(N-A)!]0.5^N$ $N = \text{Bilangan pakar}$ $A = \text{Bilangan Item yang dipersetujui}$ $\frac{(I-CVI)-P_c}{1-P_c}$
	Baik : $k = 0.60-0.74$	
	Sederhana : $k = 0.40-0.59$	
	Lemah : $k < 0.39$ (Cicchetti & Sparrow, 1981)	

4. Dapatan dan Perbincangan

Dalam kajian ini, sebanyak 54 item telah disemak dan dinilai kesesuaian kandungannya oleh lima orang pakar dengan menggunakan Indeks Kesahan Kandungan Item (I-CVI), Indeks Kesahan Kandungan Skala (S-CVI) dan Pekali Kappa Diubahsuai (k^*). Setelah dinilai oleh pakar, didapati nilai I-CVI dan Pekali Kappa Diubahsuai (k^*) bagi setiap item berada dalam julat 0.4 hingga 1.0 dan 0.13 hingga 1.0. Tiga item (KS8, KB20, MK24) mencatatkan nilai I-CVI 0.40. Ketiga-tiga item ini akan digugurkan kerana masing-masing memperoleh nilai I-CVI yang terlalu rendah. Manakala, satu item iaitu KS9 mencatatkan nilai I-CVI 0.60. Item ini akan diubahsuai dari sudut struktur ayat serta penggunaan perkataan agar dapat difahami oleh kumpulan sasaran iaitu murid Tahun 5 seperti yang disyorkan oleh pakar. Item “Saya faham mengapa seseorang berkelakuan seperti itu” akan digantikan dengan “Saya faham mengapa seseorang sedih, marah atau gembira”. Item-item yang selebihnya dikekalkan kerana

memperoleh nilai I-CVI 1.0. Menurut Polit, Beck, & Owen (2007), item yang mencatatkan nilai I-CVI melebihi 0.78 mempunyai kesahan kandungan yang tinggi tanpa mengambil kira bilangan pakar yang terlibat dalam mengesahkannya. Jadual 5 menunjukkan dapatan analisis I-CVI dan Pekali Kappa Diubahsuai bagi Instrumen Soal Selidik Kompetensi Sosioemosi dan Iklim Bilik Darjah.

Jadual 5: Dapatan Analisis I-CVI dan Pekali Kappa Diubahsuai (k*)

Kod Item	Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3	Pakar 4	Pakar 5	Jumlah persetujuan	I-CVI	UA	Pc	k*	Rumusan
KK1	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
KK2	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
KK3	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
KK4	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
KK5	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
KS6	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
KS7	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
KS8	1	1	0	0	0	2	0.4	0	0.312	0.13	Digugur
KS9	1	1	0	1	0	3	0.6	0	0.312	0.42	Diubahsuai
KS10	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
PK11	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
PK12	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
PK13	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
PK14	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
PK15	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
KB16	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
KB17	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
KB18	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
KB19	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
KB20	1	1	0	0	0	2	0.4	0	0.312	0.13	Digugur
MK21	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
MK22	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
MK23	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
MK24	0	1	0	0	1	2	0.4	0	0.312	0.13	Digugur
MK25	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
PF26	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
PF27	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
PF28	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
PF29	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
PF30	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
PF31	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
IGM32	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
IGM33	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
IGM34	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
IGM35	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
IGM36	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
IGM37	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
HRS38	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima

HRS39	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
HRS40	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
HRS41	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
HRS42	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
HRS43	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
HRS44	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
HRS45	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
OGP46	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
OGP47	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
OGP48	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
OGP49	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
OGP50	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
OGP51	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
OGP52	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
OGP53	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
OGP54	1	1	1	1	1	5	1	1	0.041	1.00	Diterima
JUMLAH	53	54	50	51	51						
AH	(0.98)	(1.0)	(0.93)	(0.94)	(0.94)						
						S-CVI/Ave	0.96				

Jadual 6 berikut pula adalah ringkasan dapatan keseluruhan kesahan kandungan bersama nilai S-CVI/Ave. Min I-CVI diperolehi menggunakan formula jumlah keseluruhan I-CVI pada konstruk ÷ bilangan item (1+1+1+1+1÷5).

Jadual 6: Ringkasan Dapatan Keseluruhan Kesahan Kandungan

Konstruk	Bilangan item	Min I-CVI (≥ 0.78)	S-CVI/Ave (≥ 0.90)
KK	5	1.0	1.0
KS	5	0.80	0.80
PK	5	1.0	1.0
KB	5	0.88	0.88
MK	5	0.88	0.88
PF	6	1.00	1.00
IGM	9	1.00	1.00
HBS	8	1.00	1.00
OGP	6	1.00	1.00

Berdasarkan penilaian pakar, S-CVI bagi 9 konstruk yang terlibat adalah berada dalam julat 0.80 hingga 1.0. Menurut Polit, Beck, & Owen (2007), kesahan kandungan adalah tinggi apabila memperoleh nilai S-CVI 0.90 atau lebih. Justeru, konstruk kesedaran sendiri, pengurusan sendiri, persekitaran fizikal, interaksi guru murid, hubungan rakan sebaya dan orientasi guru terhadap pembelajaran adalah relevan (jelas dan sesuai). Manakala, konstruk kesedaran sosial, kemahiran berhubungan dan kemahiran membuat keputusan yang bertanggungjawab memperoleh nilai S-CVI kurang daripada 0.90. Namun, dalam keadaan di mana berlaku persetujuan sederhana, nilai minimum S-CVI yang boleh diterima ialah 0.8 (Polit, Beck, & Owen, 2007). Oleh itu, ketiga-tiga konstruk yang memperoleh nilai S-CVI sederhana ini perlu diteliti dan dimurnikan semula oleh pengkaji. Nilai keseluruhan S-CVI/Ave bagi instrumen soal selidik Kompetensi Sosioemosi dan Iklim Bilik Darjah ialah 0.96. Justeru,

dapatlah dirumuskan bahawa keseluruhan instrumen ini mempunyai kesahan kandungan yang tinggi (Polit, Beck, & Owen, 2007).

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, sebanyak 51 item dikekalkan kerana memenuhi nilai pengukuran kesahan kandungan menggunakan CVI (I-CVI dan S-CVI) dan Pekal Kappa Diubahsuai (k^*). Instrumen ini telah melalui proses kesahan yang teliti bagi mengukur kompetensi sosioemosi dan iklim bilik darjah murid Tahun 5 dan diyakini tidak menimbulkan masalah dalam mengukur pemboleh ubah yang dikaji. Oleh itu, adalah dicadangkan agar kajian ini diteruskan dengan melaksanakan kajian rintis bagi menguji kebolehpercayaan instrumen ini.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Universiti Sains Malaysia amnya dan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan khususnya atas sokongan yang diberikan sepanjang penghasilan artikel ini.

Rujukan

- Almanasreh, E., Moles, R., & Chen, T. F. (2018). Evaluation of methods used for estimating content validity. *Research in Social and Administrative Pharmacy*. <https://doi.org/10.1016/j.sapharm.2018.03.066>
- Cicchetti, D. V., & Sparrow, S. A. (1981). Developing criteria for establishing interrater reliability of specific items: Applications to assessment of adaptive behavior. *American Journal of Mental Deficiency*, 86(2), 127–137.
- Cohen, R. J., & Swerdlik, M. (2018). *Psychological Testing and Assessment: An Introduction to Test and Measurement* (9th Editio). Mc Graw Hill.
- Darling-Churchill, K. E., & Lippman, L. (2016). Early childhood social and emotional development: Advancing the field of measurement. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 45, 1–7. <https://doi.org/10.1016/j.appdev.2016.02.002>
- Davis, L. L. (1992). Instrument review: Getting the most from a panel of experts. *Applied Nursing Research*, 5(4), 194–197. [https://doi.org/10.1016/S0897-1897\(05\)80008-4](https://doi.org/10.1016/S0897-1897(05)80008-4)
- Goleman, D. (1999). *Working with Emotional Intelligence*. Random House USA Inc.
- Greenberg, M. T., Weissberg, R. P., O'Brien, M. U., Zins, J. E., Fredericks, L., Resnik, H., & Elias, M. J. (2003). Enhancing school-based prevention and youth development through coordinated social, emotional, and academic learning. *American Psychologist*, 58(6–7), 466–474. <https://doi.org/10.1037/0003-066X.58.6-7.466>
- Haynes, S., Richard, D., & Kubiancy, E. (1995). Content Validity in Psychosocial Assessment: A Functional Approach to Concept and Method. *Psychological Assessment*, 7(3), 238–247.
- Jones, D. E., Karoly, L. A., Max Crowley, D., & Greenberg, M. T. (2015). Considering Valuation of Noncognitive Skills in Benefit-Cost Analysis of Programs for Children. *Journal of Benefit-Cost Analysis*, 6(3), 471–507. <https://doi.org/10.1017/bca.2015.53>
- Kamaluddin, M. R., & Nasir, R. (2019). Kesahan Kandungan dan Muka. In *Teknik Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Ujian Psikologi* (pp. 39–50). Penerbit UKM.
- López, V., Torres-Vallejos, J., Ascorra, P., & Parada, B. V. (2018). Construction and validation of a classroom climate scale: a mixed methods approach. *Learning Environments Research*, 21(3). <https://doi.org/10.1007/s10984-018-9258-0>
- Lynn, M. R. (1986). Determination and Quantification Of Content Validity. *Nursing Research*, 35(6). <https://doi.org/10.1097/00006199-198611000-00017>

- Maleki, M., Mitra Chehrzad, M., Reza Masouleh, S., & Kazemnezhad Leyli, E. (2018). Social Skills in Preschool Children From Their Parents' Points of View. *Journal of Holistic Nursing and Midwifery*, 28(4), 218–223. <https://doi.org/10.29252/hnmj.28.4.218>
- Manurung, R. T., Yuni, M., Cahyono, M., & Rohinsa, M. (2022). Pengaruh Kompetensi Sosioemosional pada Anak dalam Pembuatan Tugas Mandiri. 08(May), 1525–1534.
- Mohd Zafaren Zakaria, Faridah Yunus, & Suziyani Mohamed. (2020). Examining Self-Awareness through Drawing Activity among Preschoolers with High Socio Emotional Development. *Southeast Asia Early Childhood*, 9(2), 73–81.
- Nor Azizah Mohammad, & Suziyani Mohamed. (2020). Analisis Keperluan Pembangunan Modul Pembelajaran dalam Membentuk Kecerdasan Sosioemosi Kanak-kanak. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(3), 70–82.
- Polit, D. F., & Beck, C. T. (2006). The Content Validity Index: Are You Sure You Know What's Being Reported? Critique and Recommendations. 489–497. <https://doi.org/10.1002/nur>
- Polit, D. F., Beck, C. T., & Owen, S. V. (2007). Is the CVI an Acceptable Indicator of Content Validity? Appraisal and Recommendations. *Research in Nursing & Health*, 459–467. <https://doi.org/10.1002/nur>
- Rubio, D. M., Berg-Weger, M., Tebb, S. S., Lee, E. S., & Rauch, S. (2003). Objectifying content validity: Conducting a content validity study in social work research. *Social Work Research*, 27(2), 94–104. <https://doi.org/10.1016/b0-12-227055-x/00351-5>
- Santamaría-Villar, M. B., Gilar-Corbi, R., Pozo-Rico, T., & Castejón, J. L. (2021). Teaching Socio-Emotional Competencies Among Primary School Students: Improving Conflict Resolution and Promoting Democratic Co-existence in Schools. *Frontiers in Psychology*, 12(June), 1–16. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.659348>
- Seligie Lajan, & Ruhizan M. Yasin. (2022). Pendekatan Sosio Emosi Guru dalam PdP bagi Membantu Murid GALUS B40 Tahun 6. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4), e001424. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1424>
- Wynd, C. A., Schmidt, B., & Schaefer, M. A. (2003). Two quantitative approaches for estimating content validity. *Western Journal of Nursing Research*, 25(5), 508–518. <https://doi.org/10.1177/0193945903252998>
- Yusoff, M. S. B. (2019). ABC of Content Validation and Content Validity Index Calculation. *Education in Medicine Journal*, 11(2), 49–54. <https://doi.org/10.21315/eimj2019.11.2.6>
- Zamanzadeh, V., Ghahramanian, A., Rassouli, M., Abbaszadeh, A., Alavi-Majd, H., & Nikanfar, A.-R. (2015). Design and Implementation Content Validity Study: Development of an instrument for measuring Patient-Centered Communication. *Journal of Caring Sciences*, 4(2), 165–178. <https://doi.org/10.15171/jcs.2015.017>
- Zhou, M., & Ee, J. (2012). Development and validation of the social emotional competence questionnaire (SECQ). *International Journal of Emotional Education*, 4(2), 27–42. www.enseceurope.org/journal